

Bah

PERWAKILAN MKK SAMBUT BAIK UCAPAN MAHATHIR

MKK - Perwakilan

I

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Para **anggora perwakilan yang** menghadiri mesyuarat Menteri Kewangan Komanwel (MKK) menyambut **baik ucapan perasmian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad** dengan menyifatkannya sebagai **berani dan terusterang**.

Setiausaha Agung Komanwel Chief Emeka Anyaoku membuat kesimpulan reaksi perwakilan apabila beliau berkata bahawa perdana menteri telah menyuarakan **keperluan** Selatan mengenai perlunya negara kaya membantu negara miskin.

Beliau memberitahu pemberita bahawa Datuk Seri Dr Mahathir telah merasmikan mesyuarat itu dengan **cara yang sangat menggalakkan** dan para perwakilan akan membincangkan perkara-perkara penting daripada ucapannya secara mendalam.

Menteri Kewangan merangkap Menteri Pembangunan Ekonomi Nigeria, Alhaji Abubakar Alhaji berkata ucapan itu menggambarkan pemikiran dan keperluan semua negara anggota.

Tidak mudah bagi seseorang ketua kerajaan untuk berkata sebagaimana yang diucapkan beliau hari ini. Ucapannya sangat terusterang dan beliau sangat berani kerana berterusterang dan jujur. Saya memberi sokongan padu kepadanya, kata beliau. -- Lagi.

♥09/10/14-42MST

CNS6148

R EB 09-10 00186 BA331

13al-l

MKK - Perwakilan 2 Kuala Lumpur

Menteri Kewangan dan Perancangan Pembangunan Botswana, Festus G. Mogae berkata beliau bersetuju dengan Datuk Seri Dr Mahathir bahawa tidak ada **stail demokrasi tertentu** yang dapat diterima oleh setiap orang.

Menteri Negara bagi Kewangan Belize, Ralph Fonseca memuji Datuk Seri Dr Mahathir kerana **caranya yang jelas** menerangkan keperluan untuk mengekalkan keseimbangan dalam dunia hari ini.

Menteri Kewangan dan Hal Ehwal Ekonomi Pakistan, Sartaj Aziz berkata para pemimpin Komanwel perlu bekerja bersungguh-sungguh untuk memastikan **idea-idea yang diutarakan oleh Datuk Seri Dr Mahathir** menjadi kenyataan.

Menteri Kewangan Uganda, Dr C.W.C.B. Kiyonga merujuk kepada nasihat Datuk Seri Dr Mahathir kepada menteri-menteri kewangan Komanwel supaya tidak akur kepada desakan Bank Dunia berhubung syarat-syarat baru bantuan dan pinjaman, dan berkata banyak negara membangun tidak akan wujud tanpa bantuan kewangan.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Pembangunan dan Perancangan Jamaica, P. J. Patterson berkata bantuan adalah satu isu penting kerana banyak negara sedang mengalami pengaliran keluar wang secara tidak munasabah bagi pembayaran pinjaman kerana mereka membayar lebih daripada apa yang mereka terima. -- Lagi.

♥09/10/14-53MST

CNS6150

R EB 09-10 00065 BA332

Bah

MKK - Perwakilan 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Menteri Kewangan Guyana Carl B. Greenidge berkata masyarakat antarabangsa perlu mengambili perhatian kepada **gesaan Datuk Seri Dr Mahathir** dan menyediakan pasaran yang lebih baik bagi negara-negara membangun.

Menteri Kewangan Malawi, L.J. Chimango M. P. berkata negara-negara membangun memerlukan perdagangan bebas lebih daripada bantuan daripada negara-negara maju. -- Bernama.